

Headline	Sumbangan FRIM kepada negara		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	04 Mar 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	11	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	385 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,609
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,828



Sumbangan FRIM kepada negara

BUKU yang ditulis oleh seorang pencinta alam sekitar ini membincangkan mengenai pelbagai cabaran yang dihadapi Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di Kepong, Selangor sejak penubuhannya beberapa dekad dahulu.

FRIM adalah nama baharu yang diberikan pada 1985 kepada Institut Penyelidikan Perhutanan (IPP) yang ditubuhkan pada 1929.

Institut berkenaan adalah satu-satunya badan di Malaysia yang menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi menyokong sektor perhutanan dan mengurusperdanakan sumber asli negara.

Walaupun menghadapi pelbagai ujian termasuk 37 pekerjaanya terbunuh ketika penaklukan Jepun di Malaya dari 1942 hingga 1945, FRIM terus gigih menjalankan penyelidikan.

Ujian lain melibatkan masalah untuk mendapat dana mencukupi daripada kerajaan. Untuk mengharapkan sumbangan dana daripada sektor swasta juga cukup payah kerana kebanyakan syarikat merasa selesa dengan mutu produk sedia ada dan enggan mencuba inovasi baharu yang dicadangkan oleh FRIM.

Antara kejayaan FRIM adalah untuk mempopularkan penggunaan kayu getah sebagai bahan utama pembuatan perabot.

Pada masa sekarang sebanyak 80 peratus perabot yang dieksport syarikat Malaysia diperbuat daripada kayu getah dengan nilai jualan antara RM4 hingga RM5 bilion setahun.

Bagi memastikan kayu getah terus diterima masyarakat antarabangsa yang kini lebih mementingkan penjagaan alam sekitar, FRIM terlibat memperkenalkan kaedah baharu memproses kayu getah tanpa menggunakan bahan kimia.

Langkah itu selaras dengan tindakan negara-negara Kesatuan Eropah (EU) yang merupakan pengimport terbesar perabot kayu getah bagi kegunaan

dalam rumah yang memberikan syarat tiada sebarang bahan kimia digunakan terhadap produk berkenaan. Turut mengambil langkah sama ialah Korea Selatan dan Singapura.

Pada kebiasaannya, kayu getah diproses menggunakan bahan kimia seperti asid borik. Perbuatan itu didakwa sesetengah pihak boleh mendatangkan kanser selain menjejaskan kesuburan dan pertumbuhan sistem pembiakan manusia.

Teknologi rawatan kayu bebas bahan kimia yang dikenali sebagai sistem pengeringan suhu tinggi (HTD) membolehkan kualiti kayu

kan dan tidak mudah diserang serangga.

Selain itu, teknologi berkenaan dilihat mampu menjimatkan masa dan tenaga, apabila proses pengeringan kayu hanya mengambil masa dua hari berbanding kaedah lama selama 12 hari.

HTD digunakan untuk mengurangkan kandungan lembapan dan mengelakkan kayu getah mengecut dan pecah. Selain itu, proses pengeringan perlu dibuat supaya kerja-kerja mengecat lebih kemas di samping kayu menjadi lebih ringan.

FRIM telah memberi hak eksklusif kepada syarikat Advanced Low Pressure System (ALPS) Sdn. Bhd. untuk mengkomersialkan sistem HTD bagi pasaran tempatan dan antarabangsa dengan paten teknologi berkenaan telah diperolehi di Malaysia dan Amerika Syarikat pada 2013.

Dalam pada itu, satu lagi sumbangan FRIM ialah melakukan penyelidikan sejak 1985 bagi membolehkan sisa buangan biojisim daripada kelapa sawit ditukar menjadi barangan berguna seperti plastik mesra alam dan bahan bakar bio. Usaha itu selaras dengan konsep sifar bahan buangan yang dipegang oleh FRIM.

Langkah berkenaan amat tepat sekali kerana setiap tahun sebanyak 10 juta tan sisa kelapa sawit dibuang begitu sahaja di Malaysia. Sisa berkenaan termasuk tandan, batang dan daun kelapa sawit.

Jumlah itu akan menjadi lebih banyak jika dimasukkan Indonesia yang juga tidak berbuat apa-apa terhadap sisa kelapa sawit di republik itu.

Ekoran daripada penyelidikan FRIM itu, kerajaan telah menubuh MYBiomass Sdn. Bhd. pada 2011. MYBiomass adalah syarikat tujuan khas ditubuhkan oleh Kumpulan Industri-Kerajaan untuk Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT) bagi mengkomersialkan penyelidikan FRIM.

Antara langkah yang telah dilaksanakan oleh MYBiomass ialah membina sebuah loji penapisan biojisim di Johor yang berpotensi menyumbang pulangan pelaburan kira-kira RM100 bilion menjelang 2025.

Loji itu yang akan mengubah sisa buangan biojisim kelapa sawit kepada barangan berguna, dibina dengan kerjasama Sime Darby Berhad dan Felda Global Ventures Berhad.

Sebuah lagi syarikat yang bekerjasama dengan FRIM ialah Pharmaniaga Berhad bagi menghasilkan ubat-ubatan berasaskan sumber herba.

Headline	Sumbangan FRIM kepada negara		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	04 Mar 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	11	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	385 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,609
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,828

Dua jenis tumbuhan yang telah dikenal pasti ialah kacip fatimah untuk meningkatkan kesihatan wanita dan patawali yang boleh mengurangkan tahap kolesterol dalam tubuh.

